



MARY POON SIEW YOONG

(15/08/1917 – 30/06/2005)

BERKELANA MENYUSUR ZAMAN

Oleh: Amy Suzani Mohd. Ainuddin

GARIS-GARIS kedut di wajahnya menggambarkan liku-liku perjalanan yang telah ditempuhinya sepanjang lebih 80 tahun hidup di dunia. Walaupun uban telah memutih di rambutnya namun uban yang memutih itu ternyata tidak sedikit pun menjelaskan daya ingatannya. Beliau masih mampu bercerita membuka kembali lembaran demi lembaran sejarah hidupnya untuk dikongsi bersama.

Itulah Mary Poon Siew Yoong, warga emas yang cacat penglihatannya serta kaya dengan seribu satu pengalaman hidup. Beliau yang dilahirkan di Singapura pada 15 Ogos 1914, telah melalui tiga zaman utama iaitu zaman British, zaman Jepun serta zaman negara mengecap kemerdekaan. Setiap zaman merakamkan peristiwanya yang tersendiri. Ada yang pahit dan ada yang manis. Namun segalanya dilalui oleh Mary dengan hati yang cekal.

Mary merupakan antara mereka yang paling awal tinggal di *St. Nicholas School*, sebuah sekolah yang hari ini memberikan pendidikan khusus kepada kanak-kanak yang cacat penglihatan. Beliau juga adalah antara mereka yang terlibat mengasaskan penubuhan *Selangor Society of The Blind* yang kemudian bertukar namanya kepada *Society of The Blind, Malaysia* dalam tahun 1970an.

Dalam usianya mencecah 87 tahun kini, Mary masih dapat menceritakan sejarah masa lalunya dengan jelas dan tenang. Menurut Mary beliau dilahirkan dalam keadaan normal tetapi kemudian hilang penglihatan ketika berusia lapan bulan akibat penyakit campak. Beliau hanya mempunyai seorang kakak yang usianya hampir 10 tahun lebih tua. Dalam usianya hampir tiga tahun, ibu tersayang telah meninggal dunia. Sejak itu Mary dan kakaknya tinggal bersama ibu tiri.

Beberapa bulan selepas itu, kakaknya telah dikahwinkan dengan seorang pemuda. Ibu tiri lalu menyerahkan Mary untuk dijadikan anak angkat oleh seorang wanita berbangsa Cina yang juga cacat penglihatannya. Wanita tersebut bekerja sebagai penyanyi jalanan pada waktu malam dan bercadang untuk melatih Mary supaya dapat menjadi penyanyi sepertinya serta dapat menjadi sumber kewangannya.

Selama hampir empat minggu Mary tinggal bersama wanita tersebut. Beliau masih ingat rumah tempat tinggalnya itu hanyalah sebuah rumah kecil berloteng dan terletak berhampiran dengan rumah-rumah lain. Setiap hari beliau akan diajar dan dilatih menyanyi oleh wanita tersebut dan anak perempuannya. Bila beliau gagal menyanyi dengan baik atau terlupa senikata lagu yang dinyanyikannya beliau akan dirotan. Mary akan meraung kesakitan setiap kali beliau dirotan tanpa dapat berbuat apa-apa.

Masih jelas dalam ingatan Mary bagaimana suatu pagi setelah seminggu tinggal bersama wanita tersebut, kakaknya datang untuk melawat. Tetapi rupanya kedatangan kakak itu adalah kedatangan yang pertama dan terakhir. Kakaknya kemudian secara diam-diam pergi meninggalkannya. Mary cuba mengekor kakaknya tetapi dalam keadaan penglihatannya yang gelap gelita itu, dia tidak dapat mengesan ke mana kakaknya itu pergi. Semenjak hari itu hingga sekarang, Mary tidak tahu di mana kakaknya berada.

Kehidupan bersama wanita penyanyi itu sangat tidak disenanginya. Namun beliau tidak punya pilihan. Apalah yang berdaya dilakukan oleh seorang anak sekecilnya pada

ketika itu selain menerima saja segala apa yang diberikan. Mary menceritakan bagaimana beliau akan selalu dirotan sehingga beliau menjerit sekuat mungkin menahan kesakitan. Jeritannya akan didengar oleh jiran tetangga di sekitar rumah tempat dia tinggal itu.

Pada suatu pagi sebaik sahaja terjaga dari tidur, Mary tidak mandi dan makan seperti biasa. Akibatnya dia telah dirotan dengan teruk oleh ibu angkatnya. Mary menangis tanpa henti selama beberapa jam. Apabila tangisannya reda barulah beliau turun ke tingkat bawah dan makan makanan yang disediakan untuknya. Ketika itulah beliau mendengar pintu rumah diketuk. Seorang wanita Inggeris dari *The Medical Mission of St. Andrew Hospital*, telah datang menemui ibu angkatnya. Wanita Inggeris tersebut yang menerima aduan daripada jiran-jirannya tentang Mary yang kerap dipukul dan menangis di rumah tersebut, telah membawa Mary ke *St. Andrew Hospital* dengan alasan Mary terlalu kurus dan memerlukan rawatan. Beliau lalu dibawa ke hospital dan tidak lagi dibenarkan pulang walaupun ibu angkatnya datang untuk membawanya pulang.

Sejak itu bermulalah zaman kanak-kanak yang lebih ceria buat Mary. Beliau dijaga dengan baik di hospital berkenaan bersama beberapa orang kanak-kanak lain yang juga cacat penglihatan. Selepas setahun berada di hospital tersebut, Mary mula dihantar untuk bersekolah oleh pihak hospital. Walaupun tidak dapat melihat tetapi Mary masih ingat bagaimana beliau boleh berjalan ke sekolah seperti kanak-kanak lain. Pada waktu itu hospital berkenaan menerima pertambahan penghuni sehingga menjadikan ia agak sesak. Mary bersama kanak-kanak lain yang dijaga di situ kemudian dipindahkan ke sebuah bangunan lain yang lebih besar yang terletak di Tang Ling.

Masih segar dalam ingatan Mary hari-hari yang dilaluinya di bangunan baru tersebut. Menurut Mary bangunan tersebut mempunyai kawasan yang sangat luas. Di sitalah beliau melalui zaman kanak-kanak yang nakal dan lincah. Bersama kawan-kawan beliau akan mengejar anak ayam dan ada masanya memanjat pokok jambu dan pokok kelapa.

Beberapa tahun di situ sekali lagi bangunan *St. Andrew's Mission* berpindah kali ini ke Tanjung Pagar pula. Di bangunan baru ini kehidupan Marry dan rakan-rakannya menjadi lebih teratur. Mereka dijaga oleh seorang rahib Kristian bernama C.M. Satchel. Mary bersama rakan-rakan mula bergaul dengan kanak-kanak lain di sekitar bangunan tersebut. Malah dia juga mula dibawa ke gereja.

Perpindahan seterusnya ialah ke Hospital St. David di Melaka. Mary bersama kawan-kawannya dipindahkan ke sana dengan menaiki sebuah kapal. Pengalaman menaiki kapal tersebut tak pernah luput dari ingatannya. Mary serta beberapa orang rakannya mengalami muntah-muntah akibat mabuk laut. Namun perjalanan itu tetap menyeronokkan apatah lagi kepada kanak-kanak septinya.

Kediaman baru Mary di Melaka pada waktu itu hanyalah sebuah bangunan kayu. Bersama Mary ada sebelas orang kanak-kanak lain. Lima daripada mereka juga mengalami kecacatan penglihatan, sementara selebihnya mengalami kecacatan yang lain. Di sitalah Mary mula belajar tulisan *Braille*. Dia juga mula belajar Bahasa Inggeris serta

Matematik yang mudah. Bagi kanak-kanak yang meminati muzik, mereka juga diberi pelajaran asas muzik.

Bagaimana pun bangunan kayu yang usang itu juga tidak bertahan lama. Ia mula reput di makan anai-anai dan tidak dapat diselamatkan lagi. Ini memaksa Mary dan rakan-rakannya dipindahkan ke tempat lain kali ini ke Kelebang, Melaka. Dua tahun di Kelebang kemudian menyaksikan satu lagi perpindahan iaitu dalam tahun 1931. Perpindahan kali ini ialah ke Pulau Pinang. Ia bertujuan untuk menyediakan sebuah rumah di tempat yang lebih strategik untuk kanak-kanak yang tidak bernasib baik. Sebuah banglo di Jalan Kelewei dijadikan rumah sementara sebelum berpindah ke Jalan Scotland.

Namun tempat tersebut didapati tidak cukup besar untuk menampung jumlah kanak-kanak yang semakin bertambah. Lalu dalam tahun 1938 hasil derma seorang British yang bernama Lord Nuffield, sebuah kawasan seluas 6 ekar telah dibeli di Bagan Jermal, Pulau Pinang. Rumah yang dinamakan *St. Nicholas* itu kekal ke hari ini dan Mary merupakan antara yang pertama menjadi penghuninya.

Buat Mary, *St. Nicholas* adalah rumahnya. Di situ lah beliau dibesarkan dan menjalin hubungan yang akrab dengan rakan-rakan lain yang senasibnya. Antara rakan-rakan akrab Mary yang telah sama-sama melalui suka duka kehidupan termasuklah Rhoda Stepenson, Eunice, Elizabeth Hoe dan Lee Siew Ching. Mary bersama rakan-rakannya hidup bagaikan satu keluarga di *St. Nicholas*. Mereka saling bantu-membantu.

Sebagai orang yang paling awal tinggal di St. Nicholas, Mary kemudiannya lebih banyak bertindak sebagai kakak yang banyak membantu serta menjaga kanak-kanak lain yang dimasukkan ke situ.

Menjelang zaman pendudukan Jepun, Mary sudah mula menjadi salah seorang tenaga pengajar di *St. Nicholas*. Pengalaman hidup di zaman pendudukan Jepun juga tidak pernah Mary lupakan. Menurut Mary walaupun pada ketika itu ramai yang kekurangan makanan, tetapi penghuni *St. Nicholas* tidak pula mengalami kekurangan makanan. Ini kerana mereka mempunyai tanah yang cukup untuk membolehkan mereka menanam ubi kayu, kacang dan sayur-sayuran serta buah-buahan sebagai sumber makanan ketika itu.

Begitu pun kesan peperangan tetap dapat dirasa oleh penghuni St. Nicholas. Mary menceritakan bagaimana setiap kali kedengaran bunyi letupan bom, Mrs. Steven seorang wanita Eropah yang masih bertugas di situ akan mengarahkan semua kanak-kanak supaya mengulangi doa yang diajarnya. Dalam ketakutan Mary serta rakan-rakan menurut saja apa yang diarahkan dan mereka akan rasa sangat bersyukur bila bunyi letupan itu tidak lagi kedengaran dan mereka semuanya selamat.

Walaupun penjajah Jepun sering dikatakan berlaku zalim kepada masyarakat tempatan, namun menurut Mary penjajah Jepun melayani kanak-kanak cacat penglihatan di *St. Nicholas* dengan baik. Mereka diberikan seekor lembu yang dikongsi bersama sebuah rumah anak-anak yatim berhampiran bagi membekalkan susu. Tidak lama

kemudian kanak-kanak di *St. Nicholas* mendapat seekor kambing pula untuk bekalan susu. Oleh kerana bimbang kambing itu akan dicuri, penghuni lelaki di *St. Nicholas* akan menyembunyikan kambing itu di dalam bilik air apabila menjelang malam. Bilik air tersebut kemudian mendapat gelaran ‘bilik air kambing’ di kalangan penghuni *St. Nicholas*. Itulah antara kenangan-kenangan manis yang dilalui Mary sepanjang zaman pendudukan Jepun tersebut.

Seterusnya Mary menceritakan pula bagaimana apabila Perang Dunia Kedua berakhir dan British kembali memerintah, barulah bermula sebuah bengkel perlindungan pertama untuk orang-orang cacat penglihatan di negara ini. Dibawah seorang wanita yang dikenali dengan Mrs. M. Aitkin, penghuni lelaki mula diberikan latihan mengayam bakul daripada rotan serta membuat kerja-kerja pertukangan kayu yang mudah. Penghuni perempuan pula dilatih melakukan kerja-kerja jahitan.

Dalam tahun 1949 menurut Mary, seorang mubaligh dari China bernama Miss Phillipa Kelly telah datang untuk bertugas di *St. Nicholas*. Kedatangannya menyaksikan satu perubahan besar kepada *St. Nicholas*. Di bawah pentadbirannya, polisi rumah *St. Nicholas* telah ditukar. Daripada sebuah rumah yang hanya berperanan menyediakan perlindungan dan penjagaan kepada kanak-kanak cacat penglihatan serta yang tidak mempunyai tempat tinggal, *St. Nicholas* telah bertukar menjadi sekolah rendah berasrama untuk kanak-kanak cacat penglihatan yang pertama di negara ini.

Mary akhirnya meninggalkan *St. Nicholas* dalam tahun 1951, apabila beliau mendapat tawaran kerja sebagai Penterjemah Braille di Unit Penerbitan Braille yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan pada waktu itu. Pada ketika itu sebuah pertubuhan untuk menjaga kebajikan orang cacat penglihatan telah ditubuhkan. Pertubuhan tersebut dikenali sebagai *Malaysia Association For The Blind* atau ringkasnya MAB.

Mengimbas kembali sejarah penubuhan MAB, Mary menceritakan bagaimana pertubuhan tersebut diasaskan dengan inisiatif Major D.R. Bridges yang merupakan seorang pegawai di Jabatan Kebajikan Malaya ketika itu. Major D.R. Bridges sebelum itu merupakan seorang askar bagi tentera British di Burma dan telah hilang penglihatannya sewaktu Perang Dunia Kedua meletus. Selepas menjalani pemulihan di England, beliau ditugaskan sebagai pegawai kebajikan bagi orang cacat penglihatan di Malaya. Beliau seterusnya dilantik sebagai Pengarah Eksekutif yang pertama bagi MAB dalam tahun-tahun 1950an.

Menurut Mary, Major D.R. Bridges banyak menyumbangkan baktinya terhadap golongan cacat penglihatan di negara ini. Antara sumbangan beliau yang penting termasuklah penubuhan Pusat Latihan Gurney atau ketika itu dikenali sebagai *Gurney Training Centre* (GTC) di Kuala Lumpur dalam tahun 1952 serta Sekolah Kanak-kanak Cacat Penglihatan Princess Elizabeth di Johor Bharu dalam Tahun 1953. Malah Major D.R. Bridges juga bertanggungjawab kepada penubuhan Pusat Latihan Pertanian Taman

Harapan di Temerloh, Pahang dalam tahun 1958 dan penubuhan sebuah bengkel kraftangan bagi orang cacat penglihatan di Kinta, Perak dalam tahun yang sama.

Demikianlah kuatnya ingatan warga emas cacat penglihatan ini. Dari peristiwa-peristiwa kecil dan orang-orang biasa yang mewarnai perjalanan hidupnya sehingga lah kepada peristiwa-peristiwa serta orang-orang penting yang terlibat dengan golongan cacat penglihatan, semuanya terakam kukuh dalam ingatannya.

Dunia pekerjaan Mary sebagai penterjemah Braille tidak banyak memberikan beliau masalah. Malah dengan pendapatannya sebanyak RM136 sebulan ketika mula-mula bekerja, sudah cukup buat Mary menampung kehidupannya. Mary yang pada awalnya bekerja dengan kerajaan telah dipindahkan untuk bekerja dengan MAB apabila Major D.R. Bridges meninggalkan Malaysia.

Semasa bertugas dengan MAB, tiba-tiba timbul keinginan di hati Mary serta beberapa orang rakan untuk mengujudkan sebuah pertubuhan lain bagi orang-orang cacat penglihatan. Lalu dalam tahun 1962 dengan bantuan Mrs. Johnson salah seorang pentadbir di MAB, sebuah kelab ditubuhkan untuk golongan cacat penglihatan. Kelab ini hanyalah bertujuan untuk memberi ruang yang lebih luas kepada golongan cacat penglihatan melibatkan diri dengan masyarakat sekeliling. Melalui kelab ini golongan cacat penglihatan dibawa berkelah ke Port Dickson, melawat Genting Highland dan berbagai aktiviti riadah yang lain.

Kejayaan serta sambutan yang baik terhadap kelab yang ditubuhkan itu telah mendorong Mary serta rakan-rakannya untuk menubuhkan sebuah persatuan sukarela yang berdaftar. Oleh kerana pengetahuannya dalam soal menubuhkan persatuan pada waktu itu masih cetek. Mary terpaksa meminta bantuan mereka yang lebih berpengalaman. Namun hasrat murni ini mendapat tentangan kuat daripada pihak pentadbiran MAB. Berbagai cara dilakukan oleh MAB pada waktu itu bagi menggagalkan usaha Mary serta rakan-rakannya.

Begitu pun dengan semangat yang kuat dan keyakinan diri yang teguh, Mary serta rakan-rakannya telah berjaya juga menubuhkan sebuah persatuan yang pada waktu itu diberi nama *Selangor Society of The Blind* (SSB) dalam tahun 1963. Tekanan demi tekanan diterima oleh Mary daripada MAB ekoran penubuhan SSB. Namun dalam masa yang sama SSB terus berkembang dengan mengambil lebih ramai ahli dan menjalankan idea-idea baru bagi manfaat golongan cacat penglihatan.

Hasil jimat cermatnya Mary telah berjaya membeli sebuah rumah dalam tahun 1963. Menurut Mary dia merupakan golongan cacat penglihatan pertama yang memiliki rumah ketika itu. Rumah yang terletak di Kampung Tunku pada waktu itu kemudian didiaminya bersama beberapa orang rakan karib seperti Rhoda dan Elizabeth. Mereka hidup bagaikan saudara kandung dan saling bantu membantu dalam segala perkara.

Mary bersara dari tugasnya sebagai Penterjemah Braille di MAB dalam tahun 1972. Namun begitu persaraan tersebut tidak pula mengikis semangat berpersatuan yang ada dalam dirinya. Beliau terus komited memberikan sumbangannya kepada SSB. Malah

beliau tidak pernah lokek memberikan bantuan kepada sesiapa saja yang memerlukan pertolongannya. Kediamannya sering menjadi rumah tumpangan kepada rakan-rakan senasib yang memerlukan tempat tinggal sementara.

Masa berlalu dan seorang demi seorang rakan-rakan karib Mary termasuk Elizabeth dan Rhoda telah meninggal dunia. Mary mengakui betapa pemergian rakan-rakan karib yang sejak bertahun-tahun hidup bersama bagaikan saudara kandung memang amat dirasakan kehilangannya. Namun hakikat kehidupan diterima dan dilaluinya dengan penuh ketabahan. Yang pergi tetap pergi dan dia yang masih bernafas perlu terus melalui dan mengisi kehidupan yang masih bersisa dengan sebaik mungkin.

Kini di usia emasnya Mary Poo Siew Yoong menghabiskan sisa-sisa hidup dengan penuh ketenangan. Hidup yang telah diisi dengan penuh makna serta bakti luhur terhadap golongan cacat penglihatan yang senasib dengannya membuatkan Mary sangat dihargai oleh ramai pihak. Beliau kini tinggal bersama Ivan Ho salah seorang cacat penglihatannya yang penah dijaganya ketika masih berada di *St. Nicholas* suatu masa dulu. Meskipun tidak mempunyai saudara mara tetapi hidup Mary di hari-hari tuanya tidak pernah terabai atau disisihkan.

Itulah liku-liku kelana kehidupan yang dilalui oleh Mary. Meskipun kini keadaan kesihatannya tidak begitu memuaskan namun beliau tetap tersenyum. Wajah dan suaranya penuh ketenangan bagaikan cukup bahagia melalui kehidupan selama lebih 80

tahun. Jasa baktinya terhadap golongan cacat penglihatan tidak ternilaikan. Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik akan tetap dikenang juga.